



## **NOTIS PENARIKAN BALIK KESELAMATAN PENTING**

### **Belkin BoostCharge Pro Pengecas Wayarles Pantas untuk Apple Watch + Bank Kuasa 10K, BPD005**

#### **Penarikan Balik Produk Secara Sukarela**

---

Belkin telah memulakan penarikan balik secara sukarela bagi semua unit Belkin BoostCharge Pro Pengecas Wayarles Pantas untuk Apple Watch + Bank Kuasa 10K, BPD005 dan akan menawarkan bayaran balik penuh kepada semua pembeli.

Dalam sesetengah keadaan, kecacatan pengilang boleh berlaku, yang menyebabkan komponen sel litium pengecas bateri wayarles mudah alih mungkin menjadi tertampau panas dan boleh mendatangkan bahaya kebakaran kepada pengguna.

Tiada kecederaan telah dilaporkan dan pengecas wayarles Belkin lain atau mana-mana produk Belkin lain tidak terjejas oleh penarikan balik ini.

Jika anda telah membeli Belkin BoostCharge Pro Pengecas Wayarles Pantas untuk Apple Watch + Bank Kuasa 10K, BPD005, hentikan penggunaannya dengan serta-merta, cabut pengecas tersebut daripada bekalan kuasa atau produk lain dan hubungi kami untuk mendapatkan arahan lanjut. Letakkan BPD005 anda di lokasi yang selamat dan kering, jauh dari bahan yang mudah terbakar atau bahan yang boleh merosakkan bank kuasa. **Jangan buang bank kuasa anda ke dalam tong sampah atau tong kitar semula.**

- Untuk mendapatkan butiran lengkap tentang cara mengenal pasti dan melupuskan produk dengan selamat dan cara mendapatkan bayaran balik, sila lawati <https://www.belkin.com/bpd005recallform>.
- Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan lanjut tentang penarikan balik ini atau produk itu sendiri, sila hubungi salah seorang Wakil Khidmat Pelanggan kami. Nombor telefon tempatan untuk dihubungi bagi rantau anda boleh didapati di sini <https://www.belkin.com/support-article?articleNum=55022>.